

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9488

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah garis panduan yang diguna pakai oleh Lembaga Penapisan Filem agar filem yang dihasilkan itu mematuhi syariat Islam, adab tatasusila dan moral yang baik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Lembaga Penapis Filem bertanggungjawab untuk melaksanakan penapisan bagi semua jenis filem yang akan disiarkan, dipamerkan, disebarluaskan, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan di Malaysia selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Penapisan Filem 2002 (Akta 620).

Lembaga Penapis Filem melaksanakan tugas dan tanggungjawab penapisan filem dengan berpandukan kepada Garis Panduan Penapisan Filem yang diterbitkan pada tahun 2010. Terdapat empat (4) aspek utama dalam penapisan filem yang diberi perhatian dalam Garis Panduan tersebut iaitu:

- i) Keselamatan dan Ketenteraman Awam;**
- ii) Keagamaan;**
- iii) Sosiobudaya; dan**
- iv) Ketertiban dan Ketatasusilaan.**

Mana-mana filem yang kandungannya bertentangan dengan mana-mana aspek dalam Garis Panduan Penapisan Filem tersebut tidak akan diluluskan atau perlu diubah melalui potongan sebelum ia dibenar untuk disiarkan, dipamerkan, disebarluaskan, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan di Malaysia.

Bagi filem yang berunsurkan agama Islam, penekanan adalah diberikan terhadap kandungannya supaya tidak bercanggah dengan pegangan penganut Islam di Malaysia. Sehubungan itu, Lembaga Penapis Filem juga menggunakan Garis Panduan Penapisan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pada masa ini, KDN juga sedang mengambil langkah untuk menjadikan Garis Panduan JAKIM berkenaan sebagai sebahagian daripada Peraturan-peraturan Penapisan Filem 2016.